

MAHATHIR-TIMUR 'R'R'R'
(I)

DARI S.SIVASELVAM
1983

SEOUL, 13 OGOS (BERNAMA) -- DASAR PANDANG KE TIMUR AKAN MELANGKAH SETAPAK KE DEPAN DENGAN PENJALINAN HUBUNGAN ANTARA INSTITUSI-INSTITUSI LATIHAN, PENYELIDIKAN DAN AKADEMIK DAN JUGA AGENSI-AGENSI KERAJAAN MALAYSIA DAN KOREA SELATAN.

PERKARA TERSEBUT TELAH DIPERSETUJUI OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN PRESIDEN CHUN DOO-HWAN DALAM SATU PERNYATAAN BERSAMA HARI INI.

KEDUA-DUA ORANG PEMIMPIN ITU MERASAKAN LANGKAH TERSEBUT AKAN MEMPERLUASKAN KERJASAMA YANG MENGUNTINGKAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK YANG TELAH PUN DILAKSANAKAN DI BAWAH DASAR ITU DALAM LATIHAN PERINDUSTRIAN DAN TEKNIKAL, PELAJARAN AKADEMIK DAN TEKNIKAL DAN JUGA RANCANGAN MEMAJUKAN EKSEKUTIF.

PRESIDEN CHUN KETIKA MENYATAKAN SOKONGANNYA KEPADA DASAR ITU MEMBERI JAMINAN KEPADA MALAYSIA TENTANG KERJASAMA KERAJAANNYA.

BAGI MEMPERKUKUKKAN KERJASAMA EKONOMI DUA HALA, PEMIMPIN KOREA ITU BERKATA KERAJAANNYA AKAN TERUS MENGGALAKKAN SEKTOR SWASTA DI NEGARANYA MENYERTAI RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA SEPERTI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR DAN CARIGALI SUMBER-SUMBER TENAGA. - LAGI 1711/ZCM

ZCZC B604: 'R'R'R'
MAHATHIR - TIMUR 2 SEOUL 'R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR PULA KETIKA MENYATAKAN PENGHARGAANNYA BAGI JAMINAN TERSEBUT DAN JUGA SUMBANGAN BESAR SEKTOR SWASTA KOREA DI MALAYSIA, MENGALU-ALUKAN PENYERTAAN BERTERUSAN SEPERTI ITU.

PERDANA MENTERI DIJADUALKAN PULANG KE TANAH AIR ESOK SETELAH MELAWAT KOREA SELATAN SELAMA SEMINGGU.

DI PERINGKAT ANTARABANGSA PULA, KEDUA-DUA MALAYSIA DAN KOREA SELATAN TELAH MENGGESA SUPAYA RUNDINGAN MENGENAI KERJASAMA EKONOMI ANTARABANGSA BAGI PEMBANGUNAN DIADAKAN AWAL.

KEDUA-DUA ORANG PEMIMPIN ITU MENYERU NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENYETUJUI PERKARA TERSEBUT BERDASARKAN PERGANTUNGAN BERSAMA DAN SALING MEMBANTU ANTARA NEGARA-NEGARA MAJU DENGAN YANG MEMBANGUN.

MEREKA TELAH MENEKANKAN PERLUNYA MENARIKBALIK DASAR PERLINDUNGAN, TERUTAMANYA DARI PIHAK NEGARA-NEGARA MAJU SEBAGAI SYARAT MEMULIHKAN SEMULA EKONOMI DUNIA.

MENGENAI PALESTIN, KEDUA-DU ORANG PEMIMPIN ITU BERHARAP RANCANGAN TINDAKAN, YANG DIRANGKA OLEH PERSIDANGAN SERANTAU ASIA MENGENAI SOAL PALESTIN DI KUALA LUMPUR BULAN MEI TAHUN INI, AKAN MEMBOLEHKAN PERSIDANGAN PERINGKAT ANTARABANGSA MENGENAI SOAL ITU, YANG DIJANGKA DIADAKAN DI GENEVA DARI 20 OGOS HINGGA 7 SEPTEMBER, UNTUK Mencari SATU PENYELESAIAN YANG SAKSAMA DAN KEKAL. --
LAGI 1715/OM

MAHATHIR - TIMUR 3 SEOUL R'R'R'

TENTANG KEADAAN DI SEMENANJUNG KOREA PULA, PRESIDEN CHUN MENERANGKAN TENTANG DASAR DAN USAHA KERAJAANNYA UNTUK MENGURANGKAN KETEGANGAN DAN MENEGUHKAN KEAMANAN DENGAN TUJUAN MENCAPAI PENYATUAN SECARA AMAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SEKALI LAGI MENEGASKAN PENDIRIAN MALAYSIA BAHAWA PENYATUAN KOREA, SEPERTI YANG DIHASRATKAN OLEH RAKYAT KOREA, SEHARUSNYA DICAPAI MENERUSI CARA-CARA AMAN DENGAN MENGADAKAN DIALOG ANTARA KOREA SELATAN DENGAN UTARA.

BELIAU JUGA MENYOKONG USAHA UNTUK MEMASUKKAN KEDUA-DUA NEGARA ITU KE DALAM BANGSA-BANGSA BERSATU SELARAS DENGAN PRINSIP KESEJAGATAN PIAGAM BANGSA-BANGSA BERSATU ITU.

MENGENAI ASEAN, PRESIDEN CHUN MENYEBUT TENTANG KEPENTINGAN YANG DITEKANKAN OLEH KOREA SELATAN TERHADAP HUBUNGAN DENGAN PERTUBUHAN ITU DAN KEDUA-DUA ORANG PEMIMPIN ITU BERSETUJU UNTUK MENINJAU CARA-CARA MENINGKATKAN KERJASAMA YANG MENGUNTUNGGAN KEDUA-DUA PIHAK ANTARA ASEAN DENGAN KOREA SELATAN.

SEMASA PERBINCANGAN MEREKA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENERANGKAN KEPADA PEMIMPIN KOREA ITU TENTANG DAYAUSAHA MALAYSIA AGAR DUNIA MENGANGGAP KAWASAN ANTARCTICA SEBAGAI WARISAN MANUSIA DENGAN SUMBER-SUMBERNYA DITEROKA OLEH FAEDAH SEMUA, DAN PRESIDEN CHUN MERASAKAN PERKARA TERSEBUT PERLU DIPERTIMBANGKAN SELANJUTNYA. -- LAGI 1715/MK

MAHATHIR - TIMUR 4 SEOUL

BEGITU JUGA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA CADANGAN PRESIDEN CHUN DIADAKAN SIDANG KEMUNCAK NEGARA-NEGARA LEMBANGAN PASIFIK PERLU DIBERI PERHATIAN SEWAJARNYA.

KOREA SELATAN MERASAKAN, DENGAN PERTUMBUHAN SOSIO-EKONOMI YANG BEGITU PESAT DAN MENINGKATNYA PERGANTUNGAN ANTARA NEGARA-NEGARA TERSEBUT, ADALAH BERFAEDAH SIDANG KEMUNCAK ITU DIADAKAN +BAGI KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN BERSAMA.+

KEDUA-DUA ORANG PEMIMPIN ITU JUGA BERSETUJU BAHAWA KEAMANAN DAN KESELAMATAN DI TIMUR LAUT ASIA DAN ASIA TENGGARA BERHUBUNG RAPAT DAN PENTING BAGI MENGEKALKAN KEADAMAN DAN KESTABILAN DI ASIA DAN DI DUNIA.

MENGENAI KAMPUCHEA, KEDUA-DUA BUAH NEGARA MENGULANGI PANDANGAN BERAT Masing-masing BERHUBUNG DENGAN PENDUDUKAN BERTERUSAN TENTERA ASING DI NEGARA ITU DAN SOKONGAN KEDUA-DUA NEGARA SUPAYA MASALAH TERSEBUT DISELESAIKAN SELARAS DENGAN PERISYTIHARAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI KAMPUCHEA DAN LAIN-LAIN RESOLUSI BANGSA-BANGSA BERSATU.

TENTANG AFGHANISTAN PULA, MEREKA MENGULANGI GESAAN SUPAYA MASALAH ITU DISELESAIKAN SEGERA SELARAS DENGAN KEHENDAK RESOLUSI-RESOLUSI BANGSA-BANGSA BERSATU YANG BERKAITAN.

MENURUT PERNYATAAN BERSAMA ITU, UNDANGAN KEPADA PRESIDEN CHUN DAN PERDANA MENTERI KIM SANG-HYUP MELAWAT MALAYSIA TELAH DITERIMA. -- BERNAMA 1726/MK